



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 13 DISEMBER 2023

- 1. BERAS PUTIH TEMPATAN LEBIH SATU JUTA TAN METRIK SETIAP TAHUN – KOSMO**

DISEDIAKAN OLEH:

CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)

KERATAN AKHBAR : KOSMO
TARIKH : 13 DISEMBER 2023
PERKARA : ISU SEMASA



PENGELUARAN beras putih tempatan lebih satu juta tan metrik setiap tahun. —GAMBAR HIASAN

Beras putih tempatan lebih satu juta tan metrik setiap tahun

KUALA LUMPUR — Pengeluaran beras putih tempatan dihasilkan dengan jumlah pengeluaran melebihi satu juta tan metrik setiap tahun bermula 2018.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin memaklumkan, bermula 2018 sehingga Oktober lalu, sebanyak 1,699,766 tan metrik beras putih tempatan dikeluarkan pada 2018.

Bagi 2019, sebanyak 1,516,341 tan metrik, manakala pada tahun 2020 sebanyak 1,624,468 tan metrik beras putih tempatan dikeluarkan.

"Bagi 2021 pula, sebanyak 1,686,368 tan metrik, sementara

pada 2022 sebanyak 1,574,960 tan metrik dan sehingga Oktober 2023 adalah 1,181,911 tan metrik," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator **Mussoddak Ahmad** yang meminta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan nyatakan statistik pengeluaran beras putih tempatan mengikut negeri bermula dari 2018 hingga Oktober lalu.

Foong Hin memaklumkan, satu laporan berkenaan perkembangan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Beras Putih Tempatan yang dipengerusikan

pihaknya sudah dilengkapkan dan akan diserahkan kepada pihak pendakwa raya untuk tinjakan.

"Usaha itu membabitkan beberapa kementerian seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan banyak lagi termasuk agensi kerajaan yang lain."

"Setakat ini kita sudah siap laporan itu dan untuk kes-kes, yang mana yang ada isu kesalahan dari segi undang-undang kita telah menyerahkan semua bukti dan kertas siasatan itu kepada pihak pendakwa raya untukambil tindakan," katanya.